# HSA101: PENGANTAR SEJARAH

**Ahli Kumpulan**:

Ibnu Sany Bin SamsulBahri (136361)

Mohd. Daniel Eshsaq Bin Abdullah (136387)

Nor Haziqah Binti Ramlee (136420)

Nur Amalina Binti Ahim (136260)

**Pensyarah**:

Dr. Nik Haslinda Binti Nik Hussain

# SOALAN

"Sejarah Melayu sesungguhnya adalah sebuah dokumen politik" – Abdul Rahman Ismail. Bincangkan.

## PENDIRIAN

Kami **BERSETUJU** bahawa Sejarah Melayu atau *Sulalatus Salatin* merupakan sebuah dokumen politik.

# ASAL-USUL SEJARAH MELAYU @ SULALATUS SALATIN

## 1. Siapakah penulis Sulalatus Salatin?

Terdapat **3** pandangan yang berbeza:

**Penulis**

**Sulalatus Salatin**

- Tun Seri Lanang
- Orang Kaya Sogoh
- Tidak diketahui

- Kami bersetuju dengan pendapat **Tun Seri Lanang** ialah penulis **Sulalatus Salatin**.

- Karya Muhd. Yusoff Hashim, Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu Nusantara (1992) mengatakan, "*...hampir separuh daripada naskah-naskah Sejarah Melayu mengandungi nama Tun Seri Lanang*"

- Tun Seri Lanang adalah cucu Bendahara Seri Maharaja yang merupakan Bendahara pada zaman Sultan Mahmud Shah. Sultan Melaka terakhir.

**2. Bilakah Sulalatus Salatin ditulis?**

- Pada tahun, 1612.
- Misalnya, A. Samad Ahmad :

"*...teks ini diarahkan untuk ditulis (diperbaiki) pada 12hb Rabiulawal A.H. 1021 atau bersamaan 13hb Mei 1612*".

**3. Di manakah Sulalatus Salatin ditulis?**

- Goa, Bentan. C. H. Wake (1983), I.A. Caldwell (1997) dan Thilagavathi Vasudevan (1998)

# KAYU UKUR SEJARAH MELAYU MERUPAKAN DOKUMEN POLITIK

1. Sejarah Melayu dapat dijadikan sebagai **Sumber Sejarah**

- Satu-satunya bahan rujukan tentang salasilah raja-raja Melaka dan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka.
- Pengarang dengan cemerlang menghuraikan keturunan raja Melaka secara terperinci dan memperlihatkan urutan masa pemerintahan raja-raja Melayu Melaka.
- Contohnya: Kronologi urutan zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah sehinggalah pemerintahan Sultan Mahmud Shah.

## 2. Sejarah Melayu sebagai **Dokumen Dakyah**

- Mengagungkan keturunan raja untuk dapat kedudukan istimewa dalam kalangan rakyat
- Penulisan Sulalatus Salatin dilihat demi kepentingan pemerintah istana.
- Mencerita kisah yang berlaku di istana tapi bukan kisah rakyat jelata, adapun sebagai pelengkap sahaja dan tidak diberi perhatian khusus.
- Kisah-kisah raja Melayu tentang jatuh-bangun, pemerintahan dan pentadbiran kerajaan, serta peraturan-peraturan raja.
- Kata-kata "adat Melayu tidak pernah menderhaka" tidak pernah keluar dari mulut rakyat jelata.

3. Terdapat **peraturan-peraturan raja** dalam Sulalatus Salatin.

- Penulisan Undang-Undang Melaka tradisional yang berteraskan adat memberi pengaruh besar kepada penulisan undang-undang bagi kesultanan lain di Alam Melayu.
- Undang-undang mengukuhkan kedudukan raja sebagai pemerintah berkuasa mutlak.
- Lahirlah konsep daulat dan derhaka.
- Undang-undang Melaka, Hukum Kanun Melaka & Undang-undang Laut Melaka
- Hukuman diberikan kepada yang mencuri dan mengambil harta orang lain dan hukuman membunuh.

4. **Hubungan Diplomatik** antara Kerajaan Melaka dengan **Kerajaan Lain** atau **Negara Luar**

<u>Hubungan dengan China</u>

- China menghantar utusan ke Melaka dengan balasan Raja Melaka menghantar Tun Perpateh Puteh untuk jalinkan persahabatan. Raja China, Maharaja Yong Le menjadikan Sultan Mansur Syah sebagai menantunya, iaitu dikahwinkan dengan Puteri Hang Li Po. Begitu juga, mendapatkan perlindungan daripada China ketika mendapat serangan dari Siam.

<u>Hubungan dengan Siam</u>

- Menghantar utusan damai ke Siam, Tun Telanai & Menteri Jana Putera seterusnya Raja Siam menganugerahi puterinya, Onang Minang Hang kepada Tun Telanai.

Hubungan dengan Majapahit

- Dibuat atas dasar perkahwinan. Sultan Mansur Syah ingin memperisterikan puteri Ratu Majapahit, iaitu Radin Galoh Cendera Kirana. Pinangan baginda diterima baik. Pelbagai percubaan sebagai muslihat diadakan untuk menguji kekuatan wakil peminangan Melaka.

Hubungan dengan Benua Keling

- Hang Nadim dihantar oleh Sultan Mahmud Syah ke benua Keling atas urusan perniagaan, iaitu membeli kain serasah sebanyak 40 helai. Beliau mempunyai kepakaran dalam tulis menulis dan melukis corak.

# BIBLIOGRAFI


Abdul Rahman Haji. (1985). Sejarah Melayu: antara sejarah dan dakyah, *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies),* 30-35.

Abdul Rahman Haji Ismail. (1985). Kewibawaan Mutlak Raja Dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat Kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja-rakyat Masyarakat Melayu Tradisional Seperti Yang Terdapat Di Dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu, *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies),* 39.

Abdul Rahman Haji Ismail, Haron Daud. *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu).* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,2008.

Dr. Omar Farouk Bajunid. *Esei-esei Budaya dan Sejarah Melaka.* Kuala Lumpur: City Reprographic Services, 1989.

Jelani Harun. *Undang-undang Kesultanan Melayu Dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,2008.

V. Thilagavathi Gunalan. (1999) Genesis autograf sejarah melayu. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 101-119.

Yusoff Iskandar. "Kesultanan Melayu Melaka". https://books.google.com.my/books?id=SvluAAAAMAAJ&q=melaka+benua+keling+hang+nadim&dq=melaka+benua+keling+hang+nadim&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwiS-p2brOTaAhXJVbwKHaICBKYQ6AEIKTAA